



Australia isytihar darurat tangani banjir luar biasa

CANBERRA, AUSTRALIA – Perdana Menteri Australia, Scott Morrison mengisytiharkan darurat kebangsaan selepas banjir dahsyat melanda kota raya Sydney dan meragut 22 nyawa, lapor akhbar *MailOnline* kelmarin.

Bencana itu menyebabkan berpuluh-puluh ribu penduduk Sydney terpaksa berpindah. Bencana itu berlaku apabila pantai timur Australia menerima taburan hujan tertinggi pada tahun ini.

Morrison membuat pengisytiharan itu semasa melawat bandar Lismore, utara negeri New South Wales (NSW) yang rosak teruk akibat banjir di mana empat orang mati pada minggu lalu.

Banjir mencapai kemuncak di Brisbane yang merupakan ibu negeri Queensland dan bandar ketiga paling ramai penduduk di Australia, pada 28 Februari lalu. Kota raya itu ditenggelami air selepas me-

nerima taburan hujan hampir setahun dalam masa hanya tiga hari.

Lebih 20,000 rumah dan premis perniagaan tenggelam di tenggara Queensland dengan 13 nyawa melayang.

Di Sydney, sebahagian besar kota raya yang memiliki populasi lima juta penduduk itu dinaiki air. Sydney menerima hampir 75 peratus daripada taburan hujan tahunannya sejak 1 Januari lalu.

Deklarasi darurat di seluruh Australia bagi memastikan semua kuasa kecemasan dapat digunakan tanpa kerajaan perlu berdepan kerehnan birokrasi ketika menyediakan perkhidmatan dan menghulurkan bantuan.

Ini merupakan pengisytiharan darurat pertama sejak undang-undang mengenainya diluluskan pada Disember 2020 sebagai tindak balas kepada bencana kebakaran hutan semasa musim panas di

Hemisfera Selatan pada tahun sebelumnya.

Pengisytiharan itu bermakna mangsa banjir tidak perlukan dokumen pengenalan diri untuk menerima bayaran sokongan dan dalam keadaan tertentu, kerajaan persekutuan boleh bertindak secara bebas di kawasan di mana kerajaan negeri tidak meminta bantuan.

"Ini adalah malapetaka besar pada skala nasional," kata Morrison.

Dalam pada itu, bilangan anggota tentera yang membantu dalam proses pemulihan banjir di utara NSW ditambah daripada 700 kepada 2,500 orang kelmarin.

Kebanyakan mangsa banjir menyalahkan kerajaan kerana tidak menggerakkan pasukan penyelamat lebih awal dan mendakwa bahawa sebahagian besar daripada mereka diselamatkan oleh jiran tetangga. - AGENSI